

Perubahan fasies hidrokimia dalam akuifer aluvium pantai: kajian kes di kawasan Pekan-Nenasi, Pahang

ISMAIL C. MOHAMAD¹, ABDUL RAHIM SAMSUDIN¹, ABDUL GHANI RAFEK¹
& MOHD TADZA ABDUL RAHMAN²

¹Program Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

²Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT)
43000 Bangi, Selangor

Kajian kimia air tanah telah dijalankan sebagai sebahagian daripada kajian hidrogeologi bagi mengenalpasti punca masalah peningkatan kadar kemasinan secara berterusan dalam akuifer air tawar di loji bekalan air awam Nenasi, Pekan, Pahang. Kajian di kawasan tersebut telah bermula pada tahun 1999 bagi tujuan menentukan sifat-sifat dan perlakuan akuifer aluvium pantai dari segi perubahan kimia air tanah kesan pengepaman tak terkawal di kawasan tersebut. Maklumat kajian ini menunjukkan bahawa berlakunya perubahan yang ketara terhadap kepekatan klorida terutamanya di kawasan loji bekalan air di Nenasi dan di kawasan ternakan belut di Tanjung Batu. Di kawasan Tanjung Batu, kepekatan klorida didapati melebihi had piawai air minuman yang ditetapkan oleh WHO. Kajian ini menunjukkan bahawa berlakunya penerobosan air masin yang serius di kawasan kajian.